



PEMIKIRAN BAHARU
Utusan
Malaysia

Negara Barat bolot vaksin? Tidak perlu salahkan negara lain, tempelak Guang Eng



LIM GUAN ENG

Oleh OMAR ZIN 22 Jun 2021, 6:25 pm

PETALING JAYA: Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng menempelak tindakan Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin yang menyalahkan negara-negara Barat menjadi punca bekalan vaksin lewat tiba di Malaysia.

Malah, beliau juga meluahkan rasa terkejut apabila Khairy mengatakan bahawa vaksinasi bukanlah penyelesaian yang terjamin untuk pandemik Covid-19, sedangkan, katanya, itulah yang sedang berlaku di seluruh dunia.

"Banyak negara telah dibuka semula kerana kejayaan program imunisasi mereka sehingga kita dapat melihat stadium bola sepak dipenuhi orang yang menyaksikan kejuaraan bola sepak Euro 2020.




"Sebaliknya Malaysia berada dalam 'total lockdown'. Jelas, vaksinasi masih merupakan jalan keluar daripada pandemik Covid-19," katanya dalam kenyataan hari ini.

Guan Eng juga tidak boleh menerima sikap Khairy menyalahkan negara-negara Barat kerana membolot bekalan vaksin sebaliknya menganggap kerajaan tidak cekap untuk mendapatkan vaksin dengan segera.

"Masalah seperti itu nampaknya tidak dihadapi Singapura dan Indonesia.

"Adakah Khairy ingin mengatakan kepada rakyat Malaysia bahawa kita mungkin membelanjakan RM5 bilion dengan

sia-sia untuk mencapai sasaran vaksinasi 80 peratus penduduk bagi mencapai "imuniti kelompok" terhadap Covid-19 menjelang 31 Disember 2021?," soalnya.



Justeru, beliau meminta Khairy menjelaskan secara terbuka pernyataannya dalam webinar yang dianjurkan oleh Oxford & Cambridge Alumni Network Malaysia pada 16 Jun lalu bahawa imuniti kelompok bukanlah penyelesaiannya.


"Menambah kekeliruan dasar mengenai imuniti kelompok, Perdana Menteri ,Tan Sri Muhyiddin Yassin terus menggunakan istilah tersebut beberapa hari yang lalu. Jadi adakah kerajaan telah berubah-ubah fikiran lagi sama ada mereka telah mengabaikan matlamat imuniti kelompok?," katanya.

Pada masa sama, Guan Eng juga menggesa Khairy menjawab mengapa golongan yang berkemampuan tidak boleh membayar kos pentadbiran bagi mendapatkan vaksin percuma seperti syarikat yang membayar untuk mengambil bahagian dalam inisiatif Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI).

"Sekiranya syarikat boleh membayar kos pentadbiran sehingga RM45 setiap dos bagi mendapatkan vaksin percuma untuk pekerja, termasuk pekerja asing, mengapa tidak memberarkan rakyat Malaysia menerima kemudahan yang sama untuk membayar bagi mendapatkan vaksin percuma?" katanya. – UTUSAN ONLINE


BERITA SELANJUTNYA

by




Pulau Pinang batal hasrat dapat sendiri vaksin,... Free Download. Winning E-Commerce Trend... Remaja lelaki mengaku salah empat pertuduh...

AD



Inilah Cara Menjana Wang dengan Bitcoin

'Scheme of things' punca PN lengahkan Parlimen...



Sekatan Covid-19 di

33,800 terima vaksin fasa

Pelarian Rohingya tidak



POPULAR



Pelantikan Ibrahim Abu Shah ikut prosedur – Mitasa

23 Jun 2021, 11:19 am



Penumpang pesawat Australia-New Zealand diarah jalani kuarantin

23 Jun 2021, 11:15 am



Harap kerajaan faham- Shuhaimi Luu

23 Jun 2021, 11:00 am



Bapa beri bayi minum arak direman 5 hari

23 Jun 2021, 10:51 am



Uruguay masih ada kekurangan

Serius berpolitik, Hans enggan berlakon lagi?

Sumbat syabu, heroin dalam mesin basuh buruk

Jerman waspada 'si licik' Hungary

Pengurus MARDI didakwa salah guna kuasa

Pernah jalui zaman gelap, terlalu cintakan manusia – Rita Rudaini

BERITA BERKAITAN



Pelantikan Ibrahim Abu Shah ikut prosedur – Mitasa

23 Jun 2021, 11:19 am



Penumpang pesawat Australia-New Zealand diarah jalani kuarantin

23 Jun 2021, 11:15 am



**Harap kerajaan faham- Shuhaimi Luu**

23 Jun 2021, 11:00 am

**Bapa beri bayi minum arak direman 5 hari**

23 Jun 2021, 10:51 am

Dapatkan SKOR A SPM

Setiap Selasa di dalam

Utusan Malaysia



PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Termasuk Syarat
Hubungi Kami